

22 MAR 2000

Siti Hasmah-Biografi

BIOGRAFI ISTERI PERDANA MENTERI DILANCARKAN

PETALING JAYA, 22 Mac (Bernama) -- Rakyat kini berpeluang mengetahui serba sedikit mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai suami dan ketua keluarga menerusi biografi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang dilancarkan di sini, hari ini.

Pelancaran buku "Siti Hasmah: Lady Of Two Eras" itu dilancarkan oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Buku kisah hidup isteri Perdana Menteri itu menceritakan pengalaman Dr Siti Hasmah sebagai seorang isteri, ibu, doktor perubatan dan pemimpin masyarakat.

Turut diselitkan dalam biografi itu adalah kisah percintaan antara Dr Siti Hasmah dan Dr Mahathir semasa kedua-duanya sedang menuntut di kolej perubatan di Singapura.

Biografi itu adalah hasil tulisan lima penulis wanita tempatan iaitu Prof. Datuk Dr Nik Safiah Karim, Datin Azizah Mokhzani, Prof. Dr Rokiah Talib, Prof Dr Farida Habib Shah dan Normah Ali.

Buku itu adalah terjemahan dalam bahasa Inggeris dengan sedikit tambahan daripada versi asal dalam bahasa Melayu bertajuk "Siti Hasmah: Citra Wanita Dua Zaman" yang dilancarkan pada akhir 1998.

Biografi itu boleh didapati dalam bentuk berkulit tebal dan berkulit nipis.

Bagi yang berkulit tebal dan mempunyai autograf Dr Siti Hasmah, ia berharga RM130 manakala tanpa autograf berharga RM120.

Bagi berkulit nipis pula, buku yang mempunyai autograf dijual pada harga RM90 dan tanpa autograf pada harga RM80.

Mereka yang berminat membeli buku itu boleh menghubungi Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) di Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya, atau menghubungi nombor 03-7550499.

Turut hadir pada majlis itu ialah Dr Siti Hasmah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, selaku penasihat PSWM.

-- BERNAMA

NM NAK